

Penutup

PENUTUP

Sebagai mengakhiri penulisan disertasi penulis akan membuat kesimpulan ataupun rumusan secara keseluruhan hasil kajian yang telah didapati. Di samping itu, penulis akan cuba pula memberikan beberapa cadangan atau saranan.

a. Kesimpulan

Dari perbincangan yang telah kita lalui, beberapa rumusan telah dapat dibuat seperti berikut:

- i. Tabung dana SPI Maybank telah diasingkan daripada tabung dana yang sedia ada yang mana berlandaskan konvensional. Pihak Pengurusan Maybank telahpun mewujudkan satu sistem perakaunan yang bersaing untuk SPI Maybank. Di dalam tabung inilah dikumpulkan caruman modal SPI Maybank dan deposit yang diterima daripada pelabur dan penyimpan akaun. Justeru tidak wujud atau timbul lagi masalah percampuran harta antara yang halal dengan yang haram.

- ii. Sebagai bank yang memberi alternatif perbankan Islam kepada pelanggan, Maybank telah banyak menawarkan produk-produk perkhidmatan seperti penerimaan deposit, pembiayaan dan pelaburan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain. Semuanya adalah berlandaskan prinsip muamalah Islam yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah.

iii. Terdapat beberapa perkhidmatan kurang bertepatan dengan konsep atau istilah sebenar dari sudut fiqh telah digunakan sebagai perkhidmatan, antaranya:

1. Bank menganggap bahawa akaun semasa dan simpanan adalah simpanan *wadi'ah* sebenar mengikut fiqh, namun di sana ianya boleh dipertikai bahawa ia sebenarnya adalah hutang (فرض).
2. Bank memberi hibah kepada pemegang akaun semasa dan simpanan. Fiqh melihat akaun tersebut adalah berasaskan hutang (فرض), oleh demikian pemberian hibah tersebut termasuk di dalam syubhah riba sebagai beramal dengan kaedah *المعروف عرفاً كالشروط الشرط*.
3. Perlantikan wakil di dalam *Bay' Murābahah*, dimana bank mewakilkan pelanggan bagi pihaknya untuk membeli barang yang diperlukan, kemudian membuat akad *Bay' Murābahah* diantara pihak bank dan pembeli. Transaksi sebegini adalah kurang selamat kerana bank tidak memegang barang yang menjadi miliknya sebelum dijual balik.

b. Saranan

Hasil daripada kesimpulan ataupun rumusan yang telah dibuat, beberapa saranan cuba dikenal pasti mengikut kepentingannya, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Saran kepada pihak Jabatan Perbankan Islam Maybank;
 1. Hendaklah telus di dalam perkhidmatan perbankan Islam dengan berlandaskan prinsip Islam yang sebenar.
 2. Membuat kajian balik terhadap beberapa konsep atau istilah yang digunakan sehingga benar-benar bertepatan dengan kehendak syariah.
 3. Mempergiatkan lagi usaha memberi kefahaman tentang kelebihan perbankan Islam kepada pengguna.
 4. Memberi kefahaman yang jelas kepada para pegawai atau staf Maybank sendiri tentang produk perbankan Islam.
 5. Berterusan di dalam menawarkan SPI sehingga dapat menyaingi produk perbankan konvensional.
- ii. Saran kepada pihak bertanggungjawab terhadap Maybank Berhad;
 1. Mempertingkatkan lagi taraf jabatan SPI dengan memperbanyakkan lagi cawangan perbankan Islam di serata negeri dan tempat.
 2. Sentiasa mengenalpasti produk-produk baru serta membuat penilaian balik terhadap produk yang sedia ada agar benar-benar menepati prinsip syariah.
 3. Berusaha menggantikan produk konvensional dengan produk perbankan Islam.
- iii. Saran kepada Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga Kerajaan Malaysia;

1. Meningkatkan lagi taraf Jabatan Perbankan Islam dengan melantik seorang Timbalan Gabenor yang hanya mengawal selia Jabatan Perbankan Islam dan Takaful.
2. Telus di dalam melaksanakan perbankan Islam mengikut kehendak syariah yang sebenar.
3. Mencipta pelan yang kukuh bagi menggantikan aktiviti perbankan yang berasaskan riba di Malaysia sama ada dalam tempoh yang pendek atau panjang.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ أَجَعِينَ وَآخِرُ دُعَوَانَا أَنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.